

► Menulis

Edit dan sunting kesalahan bahasa yang terdapat dalam bahan grafik tanpa mengubah maksud asalnya. **SP 3.7.1**

IKLAN PENGAMBILAN PEMANDU PELANCONG

KRITERIA PEMILIHAN	PANDUAN PERMOHONAN	SYARAT PERKHIDMATAN
• Warganegara Malaysia • Sihat tubuh badan • Berumur antara 18 tahun hingga 60 tahun • Cekap bertutur dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris • Keutamaan kepada permohonan yang memiliki kenderaan	• Permohonan boleh dilakukan secara atas talian • Calon yang disenaraipendekkan akan dipanggil ke sesi temuduga	• Pemandu pelancong yang terpilih akan bertugas mengikut jadual dan arahan yang diberi dari masa ke semasa • Boleh bertugas diluar waktu pejabat

Tarikh tutup permohonan
30 JUN 2025

i Info Ekstra

Tip Mengesan dan Membetulkan Kesalahan Bahasa

- Kenal pasti jenis kesalahan yang hendak dibetulkan, sama ada kesalahan ejaan, kesalahan imbuhan, kesalahan istilah, atau kesalahan ayat.
- Baca ayat berulang-ulang agar anda dapat mengenal pasti kesalahan ayat itu.
- Perhatikan kesalahan dengan meneliti perkataan demi perkataan serta cuba kaitkan dengan hukum tata bahasa yang telah anda pelajari.
- Sebaik mungkin, garisilah perkataan atau frasa yang telah dibaiki.

Kesalahan Bahasa	Pembetulan
1	
2	
3	
4	
5	
6	